

SULIT

1.

- Meningkatkan mutu perkhidmatan .
- Mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Dasar Penswastaan
- B. Dasar Persyarikatan
- C. Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
- D. Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam

2. Dasar Sains dan Teknologi bertujuan untuk meningkatkan keupayaan berdikari dalam bidang saintifik dan teknologi melalui

- A menarik syarikat yang berteknologi tinggi ke Malaysia.
- B penggalakan penciptaan saintifik dan memperbaiki infrastuktur dalam bidang pelajaran.
- C menggalakkan penyelidikan dan pembangunan untuk memudahkan penerapan Teknologi baru.
- D Menggalakkan industri berat bagi menjadi penggerak perkembangan industri baru.

3.

- Mewujudkan pembangunan yang seimbang dalam mencapai perpaduan
- Ekonomi berasaskan pengetahuan

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Dasar Pembangunan Nasional
- B Dasar Wawasan Negara
- C Dasar Sosial dan Pentadbiran
- D Dasar Pendidikan Kebangsaan

4. Yang manakah antara berikut benar tentang Dasar Telekomunikasi Negara?

- I Dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Penerangan.
  - II Mengurangkan penggunaan telefon awam berbanding telefon bimbit.
  - III Memperluas penggunaan telekomunikasi di kalangan rakyat Malaysia
  - IV Menggalakkan persaingan sihat antara syarikat-syarikat telekomunikasi.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

SULIT

5.

- Membangunkan "K-Ekonomi" mengikut Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan

Yang manakah antara berikut berkaitan dengan pernyataan di atas?

- I Merapatkan jurang digital
- II Membagunkan sistem infrastruktur
- III Meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk
- IV Mengadakan kawalan terhadap kemasukan pekerja asing tanpa izin

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6.

**Objektif:**

- Menghasilkan ubat yang berkesan daripada sumber asli.
- Membina kemampuan sumber tenaga yang mesra alam.

Objektif di atas merujuk kepada

- A Dasar Perhutanan Negara
- B Dasar Perindustrian Negara
- C Dasar Bioteknologi Negara
- D Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara

7. Yang manakah antara berikut merupakan strategi dalam Rancangan Malaysia ke-9 untuk melahirkan modal insan kelas pertama?

- I Menangani gejala rasuah
- II Menangani ketidaksamaan sosioekonomi
- III Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu
- IV Memupuk masyarakat berbudaya dan bermoral tinggi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

8. Yang manakah antara berikut potensi Malaysia untuk membangunkan Bioteknologi Negara?

- I Kelebihan biodiversiti negara
- II Mendapatkan sokongan daripada kerajaan
- III Kejayaan Malaysia dalam melahirkan angkasawan negara.
- IV Kesanggupan negara maju bekerjasama dengan negara kita

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SULIT

9. Yang manakah antara berikut merupakan sasaran utama dalam Pelan Integriti Nasional?

- I Mengurangkan gejala rasuah dan penyelewengan kuasa
- II Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat
- III Mewujudkan kerjasama antara sektor awam dengan swasta dalam pembangunan negara.
- IV Melahirkan masyarakat yang berusaha meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

10. Yang manakah langkah yang dijalankan untuk mengurangkan jurang digital antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar?

- I Sekolah Bestari
- II Program Celik IT
- III Rangkaian SchoolNet
- IV Seorang Pelajar Satu Komputer

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

11. Yang manakah isu yang melibatkan Malaysia dengan Negara ASEAN yang lain?

- I Tuntutan Sabah oleh Filipina
- II Pelampau agama di Indonesia
- III Keganasan di Selatan Thailand
- IV Pembuangan sisa toksik oleh Singapura

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. III dan IV

12.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Mengurangkan kemiskinan serta jurang pendapatan</li><li>▪ Membaiki kualiti hidup di serata rantau ASEAN</li><li>▪ Bersatu dalam menghadapi isu ekonomi antarabangsa</li></ul> |
|---|

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Komuniti Ekonomi ASEAN
- B. Projek Perindustrian ASEAN
- C. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
- D. Pertumbuhan Ekonomi Serantau Utara dan Selatan Malaysia.

## SULIT

13. Yang manakah kesan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
- A. Peningkatan harga petroleum
  - B. Peningkatan harga produk tempatan
  - C. Peningkatan kedatangan Pelancong asing
  - D. Peningkatan eksport minyak kelapa sawit.
14. Yang manakah Negara terakhir yang menganggotai ASEAN?
- A. Kemboja
  - B. Laos
  - C. Myanmar
  - D. Timur Laste.
15. Yang manakah bidang kerjasama yang berkaitan dengan Asia Timur?
- I. Kewangan
  - II. Pertanian
  - III. Teknologi
  - IV. Pendidikan
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
16. Yang manakah peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)?
- I. Kerjasama Multilateral antara anggota
  - II. Mewujudkan Zon Perdagangan antara anggota
  - III. Kerjasama mengawal kenaikan harga komoditi utama
  - IV. Mewujudkan pejabat Perwakilan di beberapa buah Negara.
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
17. Yang manakah isu yang pernah disuarakan oleh Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?
- I. Pelan kewangan antarabangsa
  - II. Mewujudkan kawasan perdagangan bebas
  - III. Penyusunan semula Majlis Keselamatan PBB
  - IV. Menyokong tindakan ketenteraan ke atas Iraq pada tahun 2003.
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

SULIT

18.

- Merealisasikan Kerjasama Selatan-selatan
- Sidang kemuncak yang pertama diadakan di Kuala Lumpur

Penyataan di atas merujuk kepada mesyuarat

- A. Kumpulan Lima Belas (G15)
- B. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)
- C. Pertubuhan Negara-negara komanwel
- D. Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)

19. Yang manakah pernyataan yang benar tentang Suruhanjaya Selatam-Selatan?

- I Mendapatkan bantuan pinjaman dari Bank Selatan
- II Menyelesaikan masalah perdagangan Utara-Selatan
- III Membentuk kerjasama Negara Selatan dari segi ekonomi
- IV Membincangkan semula beban hutang luar Negara Dunia ketiga.

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

20. Yang manakah merupakan tujuan isu Antartika ditimbulkan semasa sidang Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada tahun 1982?

- I Antartika semakin diancam pencemaran
- II Mengelakkan dijadikan kawasan penempatan tentera
- III Bertentangan dengan Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa bersatu
- IV Menggalakkan Negara Maju menggunakan bahan mentah yang sedia ada

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. II dan IV

21. Yang manakah merupakan perkara yang memerlukan Parlimen mendapat sokongan majoriti 2/3 daripada ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta persetujuan Majlis Raja-Raja.

- A Warisan takhta
- B Keagamaan
- C Kuasa Perundangan
- D Bahasa Kebangsaan dan Kewarganegaraan

22. Yang manakah benar tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam?

- A Menggubal dasar Perkhidmatan Awam
- B Mengesahkan jawatan kakitangan awam
- C Memberikan latihan kepada kaki tangan awam
- D Meluluskan penambahan jawatan baru dalam Perkhidmatan Awam

SULIT

23. Encik Y dilahirkan di London dan menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1950. Encik Y memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara

- A Masukan
- B Pendaftaran
- C Percantuman wilayah
- D Kuat kuasa undang-undang

24.

Peranan Khas X



- Membasmi kemiskinan relatif
- Menyediakan pusat perkhidmatan untuk kontraktor bumiputera

Peranan X merujuk kepada

- A. Unit Perancang Ekonom
- B. Majlis Pembangunan Negara
- C. Unit Penyelarasan Pelaksanaan
- D. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

25

	Kementerian	Fungsi
I	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	Mengawal harga barang keperluan semasa musim perayaan
II	Kementerian Luar Negeri	Memberikan permit kebenaran untuk mengimport kereta
III	Kementerian Tenaga , Komunikasi, dan Multimedia	Mengeluarkan lesen kepada syarikat televisyen
IV	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Mendaftarkan cap perdagangan dan paten syarikat

Yang manakah padanan yang betul antara kementerian dengan fungsinya?

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV



26

- Pemecatan melalui tribunal
- Pelantikan mendapat perkenan Majlis Raja-raja

Penyataan di atas merujuk kepada jawatan

- I Peguam Negara
- II Ketua Hakim Negara
- III Setiausaha Dewan Rakyat
- IV Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

27. Yang manakah antara berikut benar tentang kabinet ?

- I Merupakan badan pentadbiran tertinggi dalam negara
- II Diketuai oleh Perdana Menteri yang juga ahli Dewan Rakyat
- III Menjalankan tugas berdasarkan perintah Yang di-Pertuan Agong
- IV Merupakan badan pemerintah tertinggi dan pembentuk dasar utama negara

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

28. Yang manakah benar tentang kuasa budi bicara Raja ?

- I Melantik seorang Menteri Besar
- II Melantik Hakim Mahkamah Sesyen
- III Melantik ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- IV Mengurniakan gelaran dan bintang kebesaran negeri

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

29. Yang manakah pernyataan yang benar tentang tugas Yang di-Pertua Negeri ?

- I Menghadiri semua perbahasan di Dewan Undangan Negeri
- II Merupakan sebahagian daripada anggota badan perundangan negeri
- III Mempunyai kuasa budi bicara untuk menolak permohonan membubarkan Dewan Undangan Negeri
- IV Mengampuni orang yang disabitkan kesalahan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Awam negeri masing-masing


- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

SULIT

30. Yang manakah benar tentang Ketua Kerajaan Negeri ?

- A Mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- B Dipilih terus oleh rakyat melalui pilihan raya umum
- C Mempengerusikan persidangan Dewan Undangan Negeri
- D Memegang jawatan sehingga pelantikan dibatalkan oleh Perdana Menteri

31.



Negeri Y merujuk kepada

- I Perak
  - II Sabah
  - III Melaka
  - IV Pulau Pinang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

32. Yang manakah merupakan fungsi Pejabat Kewangan Negeri ?

- I Mengurus pentadbiran kewangan peringkat negeri
  - II Membuat laporan kepada Bank Negara tentang kedudukan kewangan negeri
  - III Mengurus pembayaran perbelanjaan kepada Jabatan Pelajaran dan Jabatan Imigresen Negeri
  - IV Mengurus peruntukan wang kepada agensi-agensi negeri mengikut arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



SULIT

33. Yang manakah antara berikut yang menjadi penasihat kepada Sultan atau Yang Di-Pertua Negeri dalam pentadbiran Kerajaan Negeri ?

- A Dewan Undangan Negeri
- B Setiausaha Kerajaan Negeri
- C Menteri Besar atau Ketua Menteri
- D Penasihat Undang-undang Negeri

34. Yang manakah pernyataan yang benar tentang tanggungjawab Kerajaan Tempatan ?

- I Pungutan cukai tanah
- II Pengurusan pasar dan gerai
- III Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri
- IV Menyediakan kemudahan rekreasi dan perkhidmatan kepada penduduk setempat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV


35. Yang manakah merupakan kriteria pemberian geran oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan?

- I Panjang jalan raya
- II Bilangan penduduk
- III Jumlah hasil kutipan
- IV Bilangan bangunan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SULIT

36.



Fungsi X merujuk kepada fungsi

- A. Ketua Majlis
  - B. Speaker Dewan
  - C. Setiausaha Dewan
  - D. Yang di-Pertuan Agong
37. Yang manakah merupakan fungsi Jabatan Hal-ehwal Agama Islam?
- I Menguruskan baitulmal
  - II mengesahkan penceraian umat Islam
  - III Memungut zakat daripada umat Islam
  - IV Menjatuhkan hukuman kepada umat Islam yang berkhawat
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. II dan IV
38. Yang manakah pihak yang bertanggungjawab menyediakan draf Rang Enakmen Kerajaan Negeri?
- A. Jabatan Peguam Negeri
  - B. Penasihat Undang-undang Negeri
  - C. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
  - D. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
39. Yang manakah layak mengundi melalui pos?
- I Z menjalankan perniagaan di India
  - II Y sedang menjalani rawatan pakar di London
  - III R menemani suaminya bertugas di kedutaan Mesir
  - IV X seorang tentera yang bertugas di sempadan Indonesia
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

SULIT

40.

- Dibentangkan oleh ahli Dewan Rakyat atau kerajaan yang menyentuh kepentingan atau hak individu

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Rang undang-undang awam
- B. Rang undang-undang hibrid
- C. Rang undang-undang Persendirian
- D. Rang undang-undang ahli persendirian

41. Yang manakah benar tentang perantikan hakim-hakim tetap ?

- I Memegang jawatan secara berterusan sehingga usia 66 tahun 6 bulan
- II Saraan hakim dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang yang Disatukan
- III Perantikannya dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang.
- IV Dalam masa 10 tahun sebelum perantikan dan pernah menjadi peguam Mahkamah Persekutuan atau Peguam Mahkamah Tinggi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

42.

**Kes Mahkamah**

Encik X menuntut tunggakan sewa rumah satu tahun berjumlah RM 40,000 daripada Cik Z.

Yang manakah benar tentang kes mahkamah antara Encik X dengan Cik Z di atas?

- I Kes ini mesti didakwa oleh Pendakwa Raya
- II Encik X mesti mendapatkan writ terlebih dahulu
- III Kes ini boleh dibicarakan di mahkamah Majistret
- IV Encik X adalah palintif dan Cik Z adalah defenden

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

43. Yang manakah merupakan situasi yang membolehkan petisyen pilihan raya dikemukakan?

- A Kemenangan calon dikaitkan dengan rasuah
- B Berlakunya kekecohan di tempat pembuangan undi.
- C Tidak menyerahkan penyata perbelanjaan pilihan raya
- D Seorang calon bertanding lebih daripada satu kawasan parlimen.

SULIT

44. Satu dokumen yang dikeluarkan oleh mahkamah tinggi bagi memerintahkan pihak pembela supaya hadir pada masa dan dalam tempoh yang ditetapkan dikenali sebagai
- A Writ
  - B Waran
  - C Injeksi
  - D Surat guaman
45. Antara yang berikut, jawatan yang manakah boleh dipecat oleh Yang di-Pertuan Agong atas cadangan sebuah tribunal ?
- I Menteri
  - II Perdana Menteri
  - III Ketua Audit Negara
  - IV Hakim Besar Malaya
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

Soalan 46 berdasarkan **Jadual 1** di bawah ini.

**Jadual 1** : Jumlah Kematian Kemalangan Jalan raya sepanjang Ops Sikap Sempena Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2006 dan 2007

Kenderaan	Bilangan kematian	
	2006	2007
Penunggang dan pembonceng motosikal	124	130
Pemandu dan penumpang kereta	55	43
Lori dan basikal	9	12
Van	9	8
Lain-lain kenderaan	10	9
Pejalan kaki	17	16
Jumlah	<b>223</b>	<b>220</b>

46. Antara yang berikut yang manakah yang benar tentang jadual di atas?
- I Peratus perubahan jumlah kematian kemalangan jalanraya ialah -1.35%
  - II Kadar kematian bagi pemandu dan penumpang kereta mengalami penurunan
  - III Peratus penurunan kematian bagi pejalan kaki dan lain-lain kenderaan adalah sama.
  - IV Kadar kematian pejalan kaki bagi tahun 2007 adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun 2006
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

## SULIT

47. Barangan : Toyota Avanza ( 2.0 E)  
Harga : RM 97 000. 00  
Bayaran pendahuluan : RM 10 000.00  
Cara bayaran : Ansuran  
Tempoh bayaran : 9 tahun  
Kadar faedah : 3.5 % setahun

Hitungkan bayaran setahun yang perlu dijelaskan.

- A RM 14,172.78  
B RM 12,711.67  
C RM 926.34  
D RM 833.75
48. Di sebuah kebun terdapat tanaman terung, tomato dan tebu 3 batas telah ditanam dengan pokok tomato, 7 batas pokok terung dan 5 batas lagi pokok tebu. Jika terdapat 12 batang pokok tebu dan 10 batang pokok terung pada setiap baris dan nisbah bilangan pokok tomato kepada pokok tebu ialah 3 : 5, berapakah bilangan semua pokok yang terdapat di kebun tersebut?
- A 150  
B 166  
C 130  
D 190

Soalan 49 dan 50 berdasarkan **Jadual 2** di bawah.

**Jadual 2 : Eksport Kasar Malaysia Mengikut Sektor Tertentu bagi Tahun 2000 dan 2005**

Sektor	Jumlah Eksport Kasar (RM juta)	
	2000	2005
Pertanian	37,421	22,892
Perlombongan	52,321	26,877
Pembuatan	429,873	317,908
Lain-lain	14,175	5,593
Jumlah	533,790	373,270

(Dipetik dan diubahsuai daripada Dagangan Barangan, 2000-2005)

49. Yang manakah benar tentang jadual di atas ?
- I Nisbah jejari yang digambarkan dalam bentuk carta pai berbanding ialah 1: 1.2  
II Jumlah eksport kasar telah menurun sebanyak 30% pada tahun 2005 berbanding tahun 2000.  
III Sektor perlombongan menunjukkan peratus penurunan eksport kasar yang paling tinggi antara tahun 2000 hingga tahun 2005.  
IV Perbezaan sumbangan peratusan eksport kasar bagi pertanian antara tahun 2000 dengan tahun 2005 ialah 0.88%
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

SULIT

50. Sekiranya butiran eksport Malaysia bagi tahun 2000 dan 2005 digambarkan dalam bentuk carta pai berbanding, berapakah perbezaan bacaan sudut bagi sektor pembuatan?

- A 4.6 °
- B 9.4 °
- C 16.7 °
- D 18.4 °

51. P, Q, R, S dan T ialah pekebun kecil tanaman buah jambu batu. Pada bulan Januari 2007, pengeluaran jambu batu adalah seperti berikut : Kebun T mengeluarkan 2 kali ganda buah jambu batu kebun S dan pengeluaran kebun S adalah 2 kali ganda kebun R. Pengeluaran kebun P adalah 3 kali ganda kebun R, pengeluaran kebun Q adalah purata kebun P dan kebun R. Jika jumlah pengeluaran mereka adalah 12 000 biji jambu batu, kebun manakah yang mengeluarkan 3000 biji jambu batu pada bulan itu?

- A P
- B Q
- C R
- D T

52.

- Semua kayu boleh diukir.
- Sesetengah kayu berwarna neutral
- Semua rumah diperbuat daripada kayu

Yang manakah benar tentang kayu dan rumah ?

- I Semua papan boleh diukir
- II Semua papan boleh diukir dan berwarna neutral.
- III Semua papan diperbuat daripada kayu dan boleh diukir
- IV Semua rumah diperbuat daripada kayu dan berwarna neutral.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

53. Satu pilihan raya telah diadakan di sebuah IPTA. Pada peringkat permulaan seramai 30 orang pelajar telah mendaftarkan diri untuk bertanding. Dua calon telah menarik diri manakala tiga orang pelajar telah dibatalkan pencalonan mereka kerana tidak memenuhi syarat. Seorang calon telah menang tanpa bertanding dan seorang lagi telah mendaftarkan diri pada hari akhir pencalonan. Berapa orang calonkah yang telah bertanding pada hari pilihan raya itu diadakan?

- A 24
- B 25
- C 26
- D 28



SULIT

54.

- 5 pasukan rumah sukan, Wira, Waja, Satria, Putra dan Perdana sedang membuat perbarisan di atas padang.
- Pasukan Wira bersebelahan dengan Pasukan Putra dan selang satu pasukan dengan Pasukan Satria
- Pasukan Waja dan Pasukan Satria tidak berbaris bersebelahan

Kedudukan yang paling tepat untuk perbarisan tersebut adalah

- A. Satria, Perdana, Wira, Putra, Waja
- B. Wira, Putra, Satria, Waja, Perdana
- C. Satria, Perdana, Waja, Wira, Putra
- D. Putra, Wira, Waja, Satria, Perdana

55.

A ialah anak B dan cucu C. Ketika A lahir, B sudah berusia 31 tahun 6 bulan dan C sudah hampir 56 tahun. Dua puluh tahun kemudian, iaitu pada 30 Mei 1972, C meninggal dunia. Ketika itu A baru dua bulan menyambut hari jadinya. Bilakah A dilahirkan ?

- A. 31 Mac 1928
- B. 31 Mac 1952
- C. 30 April 1952
- D. 31 Mei 1952

Soalan 56 berdasarkan **Jadual 3** di bawah

**Jadual 3:** Jumlah Penduduk di Beberapa buah Negara pada Tahun 1970 dan 2010

Negara	Jumlah penduduk ( juta orang)	
	1970	2010
Asia Tengah	112.5	233.1
Asia Timur	100.8	274.9
Afrika	30.5	76.7
Eropah	208.9	293.7
Amerika Utara	105.8	169.1
Amerika Latin	65.7	159.2
Asia Selatan	264.0	659.2

56.

Berdasarkan jadual 3 di atas, Negara manakah yang mencatat peratusan pertambahan penduduk yang tertinggi pada tahun 2010 berbanding 1970?

- A. Afrika
- B. Asia Timur
- C. Asia Tengah
- D. Amerika Latin



SULIT

Soalan 57 berdasarkan pernyataan di bawah

Sekolah T mempunyai 720 orang pelajar. 400 orang daripadanya ialah pelajar lelaki. Enam puluh peratus daripada mereka ini berasal dari desa manakala selebihnya dari bandar. Dua puluh peratus daripada pelajar perempuan berasal dari bandar, manakala selebihnya dari desa. Tujuh puluh lima peratus daripada pelajar dan semua pelajar perempuan mengikuti aliran sains.

57. Berapakah bilangan pelajar yang mengikuti aliran sains?
- A. 160 orang
  - B. 300 orang
  - C. 320 orang
  - D. 620 orang
58. Pada setiap bulan En Z mampu membuat simpanan sebanyak RM370.00 sebulan di Bank XX yang menawarkan kadar faedah 7.0% setahun. Namun, pada bulan Disember setiap tahun En Z hanya mampu membuat simpanan 50% daripada kebiasaannya. Berapakah wang En Z yang terkumpul di Bank XX jika En Z telah membuat simpanan selama 5 tahun?
- A. RM22200.00
  - B. RM23754.00
  - C. RM22329.50
  - D. RM22764.50

Soalan 59 dan 60 berdasarkan **Jadual 4** di bawah

**Jadual 4:** Senarai hutang tertunggak mengikut negeri 2007

Negeri	RM Juta
Kelantan	11.6
Selangor	587.45
Kedah	385.23
Johor	365.8
Pahang	309.13
Terengganu	300.34

\*Sarawak negeri terbaik dalam membayar hutang

\*Hutang Kelantan untuk bekalan air ialah RM398 juta yang perlu dibayar selama 20 tahun  
(Sumber: Dipetik daripada Akbar Siasah, Mac 2008)

59. Berdasarkan jadual 4 di atas, peratus hutang tertunggak negeri kedah ialah
- A. 12.4%
  - B. 17.4%
  - C. 19.7%
  - D. 31.4%

SULIT

60. Yang manakah benar tentang negeri Sarawak yang merupakan pembayar hutang terbaik?

- I. Keadaan politik Sarawak yang Stabil
  - II. Bilangan penduduk Sarawak tidak ramai
  - III. Dataran sungai di Sarawak telah dibangunkan
  - IV. Hasil pembalakan di Sarawak amat menguntungkan
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV